

UniSZA anjur seminar risiko vape

UTUSAN MALAYSIA
20/01/2016

KUALA NERUS 19 Jan. - Atas tanggungjawab memberi kesedaran kepada masyarakat tentang risiko penggunaan rokok elektronik atau vape, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) tampil mengajukan seminar bertajuk *E-Cigarettes: Do We Care?* di kampus universiti itu di Gong Badak dekat sini.



NIK WAN OMAR

Majlis perasmianya disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniSZA, Prof. Dr. Nik Wan Omar.

Kertas kerja berkaitan vape turut dibentangkan oleh Timbalan Dekan Akademi dan Pra Siswazah Fakulti Perubatan UniSZA, Prof. Dr. Harymy Mohamed Yusoff yang bertajuk *Vape: Apa Yang Anda Perlu Tahu*.

Manakala pembentangan satu lagi kertas kerja bertajuk *E-Rokok Dalam Perspektif Islam* dilakukan oleh Prof. Madya Dr. Basri Ibrahim dari Pusat Pengajian Syariah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam universiti yang sama.

Dalam pada itu, Nik Wan berkata, pihaknya berasa terpanggil un-

Seminar sehari itu yang berlangsung di Dewan Perdana UniSZA Rabu lalu, merupakan anjuran Pusat Pengajian Sains Kejururawatan (PPSK), Fakulti Perubatan universiti berkenaan.



TIGA mahasiswa UniSZA, Nurul Syamimi Hussin (tengah), Dorafira Guma (kiri) dan Azimah Abdul Manaf memegang risalah 'Katakan tidak pada Vape' dalam Majlis Perasmian Seminar *E-Cigarettes: Do We Care?* di UniSZA, Gong Badak, Terengganu, baru-baru ini.

tuk mengadakan seminar tersebut untuk memberi kesedaran dan penerangan kepada orang ramai mengenai keburukan vape yang hangat diperkatakan sekarang.

Menurutnya, pengajuran seminar itu juga bagi memperlihatkan pendirian UniSZA yang selari dengan keputusan kerajaan mengenai kesan penggunaan vape dalam kalangan masyarakat di negara ini.

"Kita sedia maklum, penggunaan rokok elektronik atau vape

ini memberi banyak kesan buruk kepada pengguna, bukan saja dari segi kesihatan dan dari sudut Islam malah turut memberi kesan kepada kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat.

"Kita juga berharap agar para pelajar kita (UniSZA) dapat menjadi ejen untuk memberi penerangan kepada masyarakat supaya mereka sedar dan faham tentang keburukan vape," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian itu.